



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:
www.consumer.org.my

Kenyataan Akhbar

21 September 2021

Keperluan untuk orang ramai mengetahui dan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya PPN menjadi serba salah

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyambut baik pengumuman Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin baru-baru ini bahawa sebuah hospital lapangan, lengkap dengan wad Unit Rawatan Rapi (ICU), untuk menampung peningkatan jumlah pesakit Covid-19 di Pulau Pinang. Beliau juga mengatakan bahawa dia akan berbincang dengan pihak hospital swasta untuk menyewakan dewan pembedahan mereka bagi membolehkan pakar bedah Hospital Pulau Pinang (HPP) melakukan pembedahan untuk kes berisiko tinggi dan kritikal.

Walaupun amat baik beliau bersikap proaktif dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh HPP, pada masa yang sama CAP menggesa beliau meneliti penyebab jumlah kes harian yang tinggi pada masa ini. Pendekatan pragmatik adalah untuk membendung kenaikan jumlah bilangannya berbanding hanya untuk menangani aspek logistik, khususnya Pulau Pinang yang memasuki fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada pertengahan Ogos.

Fasa kedua PPN Pulau Pinang berlaku setelah ia dilanda lebih daripada 1,000 kes harian Covid-19 sejak 11 Ogos. Ia sampai ke tahap di mana Hospital Pulau Pinang mencapai kapasiti penuh dan akan melebihi kapasiti tidak lama lagi jika jumlah kes harian tetap tinggi.

Pada September 2021, dilaporkan bahawa statistik harian yang mana orang ramai bergantung kepadanya didapati tidak tepat kerana terdapat banyak data kematian Covid-19 yang tertangguh. Orang ramai disarankan untuk merujuk ke laman sesawang pengesanan pandemik baharu CovidNow untuk “kematian yang dilaporkan” dan “kematian sebenar” pada masa nyata. Penyataan ini amat mengejutkan kerana berdasarkan mekanisme pelaporan lama, bahagian data harian mungkin sudah memakan masa beberapa minggu.

Kelewatan dalam menyampaikan data kepada orang ramai disebabkan oleh banyaknya sistem penjagaan kesihatan awam dan ironinya adalah bahawa orang ramai bergantung kepada statistik ini selama lebih daripada satu tahun, dengan mempercayai bahawa mereka mendapat maklumat terkini. Mengapa kerajaan tidak memberitahu orang ramai tentang halangan dalam pengumpulan data?

Sebagai contoh, jika kita melihat trend sejak pandemik itu bermula, jelas bahawa kebanyakan kes itu berkaitan dengan kilang dan tempat kerja. Adalah masuk akal kerana mereka yang pergi bekerja terkena udara yang sama dengan orang yang dijangkiti bernafas selama beberapa jam di tempat yang terkurung. Ini meningkatkan peluang dijangkiti virus Covid-19. Lebih-lebih lagi, penghawa dingin mengitar semula udara di dalam bilik, sehingga meningkatkan kemungkinan terjadinya jangkitan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesyorkan “sistem (penyaman udara) yang dijaga dan dikendalikan dengan baik dapat mengurangkan penyebaran COVID-19 di dalam ruangan dengan

meningkatkan kadar perubahan udara, mengurangkan peredaran semula udara dan meningkatkan jumlah udara luar yang masuk”. WHO menyarankan pengudaraan semula jadi dan kipas siling untuk mengeluarkan sebarang poket udara yang tersekat di dalam bilik.

Kerentanan seperti itu juga berlaku kepada pekerja lain, seperti peniaga pasar atau pekerja meja depan. Persekitaran kerja ini dan interaksi dengan pelanggan mereka selama berjam-jam setiap hari meningkatkan risiko jangkitan walaupun mungkin merupakan dalam ruang kerja terbuka. Mereka juga berisiko menyebarkan fomite daripada pakaian, perkakas, barangan, dan perabot yang disentuh oleh mereka. Oleh itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) harus dipatuhi dengan tegas untuk meminimumkan penularan jangkitan itu sendiri dan juga penularan kepada orang lain.

Dengan mempertimbangkan fakta-fakta ini, kami berpendapat bahawa semua pekerja yang perlu berinteraksi dengan orang lain selain ahli keluarga mereka perlu diutamakan dalam program vaksinasi.

Pendekatan keseluruhan dalam menangani pandemik ini amat membimbangkan kerana klip video terbaharu yang beredar di media sosial menunjukkan ramai keluarga pergi berkhemah dan berkelah bersama anak-anak mereka yang kelihatan terlalu muda untuk program vaksinasi. Menurut laporan, terdapat 310,074 kes antara Januari dan Ogos 2021 yang melibatkan kanak-kanak di bawah 18 tahun.

Sebabnya sudah pun terdapat kes-kes jangkitan penembusan vaksin di negara ini.

Adalah amat penting untuk mengetahui kes mengikut kumpulan umur kerana kanak-kanak adalah kumpulan yang sangat mudah terdedah, dan sebahagian daripada mereka akan kembali ke sekolah setelah mengikuti ibu bapa mereka untuk bersiar-siar dalam PPN yang tidak sepatutnya dilakukan.

Kerajaan seharusnya memantau dengan lebih ketat setiap kenaikan kadar jangkitan dua minggu selepas fasa kedua PPN. Adakah kemudahan perubatan bersedia untuk kemungkinan lonjakan ini?

Salah satu contoh bagaimana rancangan pembukaan semula Singapura terganggu oleh peningkatan jangkitan Covid-19 dalam kluster yang dikaitkan dengan bar karaoke. Oleh sebab itu, kerajaan Malaysia seharusnya mengambil pendekatan berhati-hati dalam proses pemulihan, terutamanya apabila jumlah kes harian tidak menurun di bawah 15,000 dalam masa tiga bulan terakhir ini.

Kerajaan seharusnya meninggalkan idea untuk mencapai nilai ambang imuniti kelompok penduduk tetapi sebaliknya berusaha mencapai jumlah maksimum vaksinasi. Menurut artikel di dalam *Nature* 18 Mac 2021, ia berpendapat bahawa imuniti kelompok Covid-19 mungkin mustahil. Oleh sebab itu, kami menggesa kerajaan untuk memberikan tumpuan dengan menggunakan vaksinasi bagi mengurangkan keterukan jangkitan sebagai pendekatan yang lebih realistik.

Kami sekali lagi mengulangi gesaan kepada kerajaan supaya memberikan data terkini mengenai situasi Covid-19 dan pemantauan yang lebih ketat terhadap keadaan negeri-negeri yang beralih ke fasa kedua. Adalah dialu-alukan juga untuk mengetahui bahawa data yang lebih terperinci berkaitan dengan Covid-19 akan dikeluarkan kepada umum. Penyiaran data granular ini dihentikan pada Oktober 2020 dan disambung semula baru-baru ini dengan janji untuk meningkatkan ketelusan Kementerian Kesihatan.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pnang